

# PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menjalankan Siasatan Awam mulai **7 September 2012**. Kertas Siasatan Awam seperti tajuk di bawah telah diterbitkan di laman web SKMM: <http://www.skmm.gov.my>.

## **KERTAS SIASATAN AWAM MENGENAI PELAKSANAAN PENGASINGAN PERAKAUNAN DI MALAYSIA**

Tujuan Siasatan Awam ini adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai mengemukakan pandangan mengenai rangka kerja pengasingan perakaunan serta pelan pelaksanaan yang dicadangkan.

Pengasingan perakaunan bertujuan meningkatkan tahap ketelusan dan mencegah tingkah laku anti-persaingan bagi menggalakkan persaingan di dalam industri komunikasi dan multimedia.

Pihak SKMM mempelawa orang ramai untuk menyertai Siasatan Awam ini dengan mengemukakan ulasan bertulis mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam Kertas Siasatan Awam, terutamanya soalan khusus yang ditanya dan pandangan awal SKMM. Orang ramai juga dipelawa untuk membuat ulasan mengenai rasional dan analisis yang digunakan dalam Kertas Siasatan Awam walaupun soalan khusus tidak dibangkitkan mengenai perkara tersebut.

Meraka yang ingin mengambil bahagian digalakkan untuk menyokong ulasan masing-masing dengan alasan dan di mana berkenaan, memberi atau merujuk kepada bukti atau maklumat lain yang berkaitan.

Semua ulasan bertulis mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam Kertas Siasatan Awam hendaklah dikemukakan kepada SKMM secara bertulis dan secara elektronik kepada alamat dan e-mel di bawah pada atau sebelum **12.00 tengah hari, Rabu, 31 Oktober 2012**.

Pihak SKMM juga akan mengadakan sesi penjelasan dan orang ramai dijemput menghadiri sesi ini. Orang ramai yang menyertai sesi tersebut boleh memberi ulasan secara lisan dan mengemukakan soalan mengenai perkara yang berkaitan. Sesi penjelasan ini akan diadakan di Auditorium SKMM, Cyberjaya pada hari **Khamis, 27 September 2012 jam 9.30 pagi**.

Sesiapa yang ingin menghadiri sesi penjelasan boleh mendaftar dengan pihak SKMM secara bertulis atau secara elektronik pada atau sebelum **12.00 tengah hari, Khamis, 20 September 2012** kepada alamat atau e-mel di bawah. Orang ramai yang ingin mengemukakan soalan semasa sesi penjelasan tersebut perlulah menghantar soalan-soalan secara bertulis atau secara elektronik kepada alamat atau e-mel di bawah pada atau sebelum **12.00 tengah hari, Khamis, 20 September 2012**.

### **Pengerusi**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
Off Persiaran Multimedia, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan**

**Tel :+603 86 88 80 00 Faks :+603 86 88 10 01**

**E-mel: [acsep@cmc.gov.my](mailto:acsep@cmc.gov.my)**

**Untuk Perhatian: Pn Janakky Raju/Sylvia Koruthu**

[www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# NOTIFICATION

The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) is holding a public inquiry commencing **7 September 2012**. The following Public Inquiry Paper is available at MCMC's website at <http://www.skmm.gov.my>.

## **PUBLIC INQUIRY PAPER ON IMPLEMENTATION OF ACCOUNTING SEPARATION IN MALAYSIA**

The purpose of this Public Inquiry is to provide the public an opportunity to comment on the proposed accounting separation framework and implementation plan. Accounting Separation aims to provide greater transparency and prevent anti-competitive behaviour in order to promote competition in the communications and multimedia industry.

The MCMC invites members of the public to participate in this Public Inquiry by making written submissions on specific matters on which comments are sought and on the MCMC's preliminary views in the Public Inquiry Paper. Submissions are also welcome on the rationale and analysis in the Public Inquiry Paper where no specific questions have been raised.

Participants are encouraged to support their submissions with justification and, where appropriate, provide or refer to evidence or other relevant information.

Written submissions on the matters raised in the Public Inquiry Paper should be provided to the MCMC, both in hard copy and electronic form, at the address below and via e-mail by **12.00 noon on Wednesday, 31 October 2012**.

The MCMC will also hold a clarification session to which the public is invited. Participants to the clarification session may make oral submissions to the MCMC and seek clarification on the issues raised in the Public Inquiry Paper. The clarification session will be held at the MCMC Auditorium, Cyberjaya on **Thursday, 27 September 2012 at 9.30 am**.

Members of the public who wish to attend should register with the MCMC by writing to the address below or via e-mail by **12.00 noon on Thursday, 20 September 2012**. Parties who wish to address questions to the MCMC during the clarification session should notify the MCMC of those questions in advance via the following contact address or via e-mail by **12.00 noon on Thursday, 20 September 2012**.

**The Chairman  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan**

**Tel :+603 86 88 80 00 Fax :+603 86 88 10 01  
E-mail: [acsep@cmc.gov.my](mailto:acsep@cmc.gov.my)**

**Attention: Ms Janakky Raju/Sylvia Koruthu**

**[www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)**